

01 APR 1997

Herzog-tiba

PRESIDEN GERMAN TIBA UNTUK LAWATAN LIMA HARI

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Presiden Jerman Prof Dr Roman Herzog diberi sambutan permaidani merah setibanya di sini hari ini untuk memulakan lawatan rasmi pertamanya ke Malaysia selama lima hari.

Ketibaan beliau dan rombongannya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dekat sini disambut oleh Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding yang menjadi menteri pengiring.

Pemimpin Jerman itu kemudiannya dibawa ke Dataran Parliamen untuk upacara sambutan rasmi.

Herzog, 63, diiringi delegasi seramai 100 anggota yang termasuk bekas bintang bola sepak, Franz Beckenbauer.

Beliau akan diraikan ke satu jamuan negara oleh Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara malam ini.

Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berada di Dataran Parliamen untuk menyambut Herzog.

Pemimpin Jerman itu yang diberi perhormatan 21 tembakan meriam kemudiannya memeriksa barisan kehormat oleh 103 anggota dan pegawai Regimen Askar Melayu Diraja diketuai oleh Mej Rafizi Sharif.

Herzog kemudiannya diperkenalkan kepada menteri-menteri Kabinet dan para anggota kor diplomatik.

Dr Mahathir akan mengunjungi Herzog tengah hari esok.

Esok pagi, Herzog akan menghadiri sesi latihan pasukan bola sepak remaja Malaysia oleh Beckenbauer, yang sekarang merupakan presiden Kelab Bolasepak Bayern Munich, di Pusat Latihan Polis Jalan Semarak di sini.

Herzog akan berkunjung ke Sarawak sebelum menamatkan lawatannya.

Jerman merupakan rakan kongsi perdagangan Eropah yang utama kepada Malaysia selepas Britain. Malaysia pula ialah rakan kongsi perdagangan Asean terbesar bagi Jerman selepas Singapura dan Thailand.

Perdagangan antara kedua-dua negara telah meningkat dari DM2.25 bilion (RM3.33 bilion) pada tahun 1987 kepada DM8.6 bilion (RM12.728 bilion) pada tahun 1995 berpihak kepada Malaysia.

Malaysia juga semakin menjadi popular sebagai destinasi kepada pelancong Jerman yang meningkat dua kali ganda dari jumlah 28,000 pada tahun 1987 kepada lebih dari 80,000 pada tahun 1995. -- BERNAMA

ARA NI WAT